

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG**

**TARIKH : 7 MEI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 72**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pelan tindakan untuk menaik taraf sistem pengangkutan awam bagi Kota Kinabalu bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan bandaraya dan berapakah peruntukan yang telah diperuntukkan untuk tujuan ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Salah satu agensi yang diselia oleh Kementerian Pengangkutan yang bertanggungjawab terhadap pengangkutan awam di Sabah ialah LPKP dan LPKP berperanan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan perdagangan iaitu kenderaan barang (Pembawa A dan C) dan kenderaan perkhidmatan awam (Bas dan Teksi) dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya di Negeri Sabah dan W.P. Labuan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334).
2. Pada masa ini LPKP Sabah dalam proses untuk mendapatkan peruntukan bagi menjalankan kajian penambah baikan Bas Berhenti-Henti di Kota Kinabalu.
3. Selain itu, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu juga telah merangka pelan pengangkutan awam Kota Kinabalu. Manakala, Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah juga telah meminta Syarikat Prasarana untuk membuat kajian kebolehlaksanaan LRT.

Sekian, terima kasih.